

FACT SHEET

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA (HSN) 2023 PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN PADA 14 OKTOBER 2023

1. Menteri Pertahanan (MENHAN), **YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan** telah merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2023 peringkat Kementerian Pertahanan bertempat di Padang Kawad, Kem Kementah, Kuala Lumpur.
2. Sambutan Hari Sukan Negara ini telah melibatkan penyertaan seramai lebih kurang 1,300 orang yang terdiri daripada warga tentera ATM dan juga warga awam MINDEF. Hari Sukan Negara HSN 2023 ini menggunakan tema Fit Malaysia dan merupakan satu hari ikonik tahunan rakyat Malaysia yang dilaksanakan secara serentak bagi meraikan dan mengiktiraf aktiviti sukan, seterusnya menjadikan ianya sebagai pembudayaan sukan dalam kalangan warga tentera ATM dan juga warga awam MINDEF.

Aktiviti Sempena Hari Sukan Negara (HSN) 2023

3. Sempena Hari Sukan Negara (HSN) 2023, Kementerian Pertahanan telah menganjurkan dua (2) aktiviti melibatkan aktiviti *indoor* dan *outdoor*. Aktiviti *indoor* telah dilaksanakan pada 13 Oktober 2023 (Jumaat) bertempat di ruang *Foyer* Wisma Pertahanan iaitu permainan *E-Sport* FIFA, Dart, Karom, Catur, Batu Seremban, Congkak dan *Aerodance*.
4. Manakala, aktiviti *Outdoor* yang telah dianjurkan pada 14 Oktober 2023 (Sabtu) adalah seperti berikut:
 - a. **Senamrobik HSN 2023 MINDEF** – Senamrobik HSN 2023 MINDEF ini telah melibatkan penyertaan daripada warga tentera ATM dan warga awam MINDEF.
 - b. **Fun Run dan Fun Walk HSN 2023 MINDEF** – Aktiviti *Fun Run* dan *Fun Walk* HSN 2023 MINDEF ini dilaksanakan di dalam Kem Kementah dan MINDEF dimana pertandingan *Fun Run* sejauh 3.5km manakala *Fun Walk* pula sejauh 1.5km.
 - c. **Sukan Rakyat HSN 2023 MINDEF** – Aktiviti Sukan Rakyat turut dilaksanakan dan antara acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:
 - (1) Football Penalty Shoot-Out (VIP)
 - (2) Netball Shoot-Out (VIP)
 - (3) Netball Shoot-Out (Kategori Wanita)
 - (4) Sepak Raga Bulatan (Kategori Lelaki)
 - (5) Jalan Atas Tempurung (Kategori Campuran)

d. **Sukaneka Kanak-kanak TASKANITA MINDEF** - Turut dilaksanakan juga Sukaneka Kanak-kanak TASKANITA MINDEF yang dikelola oleh PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan dimana penyertaan daripada kanak-kanak berumur antara 2 hingga 6 tahun.

KEHADIRAN

5. Turut hadir sempena Hari Sukan Negara (HSN) 2023 peringkat Kementerian Pertahanan adalah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari; Ketua Setiausaha, Datuk Seri Isham bin Ishak; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBr. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBr. Tuan Mohd Yani bin Daud; Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim; Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksmana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain dan Pegawai-pegawai kanan Awam MINDEF dan ATM.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan **Penolong Setiausaha Cawangan Logistik, Puan Anunitya a/p Devaraju** di talian **012-3110836** atau **Pegawai Staf 3 Media, Kapt Mohd Zulkifli bin Zahari** di talian **014-8085697**.

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK

14 Oktober 2023 (Dikeluarkan pada jam 12.00 tengah hari)